

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 OGOS 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Harga barang turun bukti Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi berkesan

Harga barang turun bukti Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi berkesan

KOTA BHARU - Penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ternyata memberi kesan apabila beberapa barangan kawalan dalam negara menunjukkan penurunan harga.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, antara barangan kawalan tersebut termasuk harga minyak masak botol dan ayam mentah di pasaran.

Katanya, hal itu juga disebabkan oleh keadaan inflasi dunia yang menurun sedikit beberapa minggu kebelakangan ini sehingga memberi kesan kepada inflasi di Malaysia.

"Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi beri banyak kesan khususnya berkaitan penguatkuasaan antaranya harga

minyak masak yang agak liat untuk turun dan sekarang ini berharga RM34.70 bagi botol 5 kilogram (kg). Harga minyak sawit mentah turun daripada RM7,000 satu tan kepada lebih RM4,000 satu tan.

"Bekalan ayam pula kembali stabil dan harganya rendah daripada RM9.40 seperti ditetapkan. Jadi, ini satu contoh membuktikan pasukan ini berfungsi dengan baik melalui mesyuarat dua kali seminggu," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar semasa sesi taklimat dan lawatan bangunan Gunasama Jabatan Persekutuan di Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di Tunjong di sini pada Ahad.



Mustapa (dua dari kanan) melihat replika bangunan Gunasama Jabatan Persekutuan di Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di Tunjong, Kota Bharu pada Ahad.